

Newspaper	Berita Harian
Date	3/8/2011

## Dr Mahathir dipanggil beri keterangan isu PKFZ

**K**UALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad akan dipanggil memberikan keterangan dalam perbicaraan kes penipuan RM1.08 bilion berkaitan projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) membabitkan bekas Menteri Pengangkutan, Tun Dr Ling Liong Sik.

Perkara itu dinyatakan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Tun Abd Majid Tun Hamzah dalam "prosiding perbicaraan di Mahkamah Tinggi semalam ketika mengemukakan surat ditulis oleh Liong Sik kepada Dr Mahathir untuk disahkan saksi kedua pendakwaan iaitu bekas Ketua Pengarah Penilaian, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Datuk Sahari Mahadi.

Dalam kenyataan pembukaan dikemukakan pendakwaan kelmarin, Abd Majid berkata pihaknya akan menunjukkan tertuduh menulis surat itu yang memaklumkan bahawa rundingan di antara Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) dan Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB) sudah diadakan berhubung pembelian tanah berdasarkan syarat dan terma dipersetujui JPPH.



Dr Mahathir Mohamad



Ling Liong Sik

Liong Sik dituduh menipu dengan memperdayakan Jemaah Menteri untuk memberikan persetujuan pembelian tanah di Pulau Indah untuk projek PKFZ mengikut terma yang dipersetujui antara KDSB dan LPK.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu pada 25 September 2002 dan

6 November 2002 di Tingkat Empat, Pejabat Perdana Menteri, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya dan didakwa mengikut Seksyen 418 Kanun Keseksaan jika disabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum tujuh tahun, denda atau kedua-duanya sekali.


Sementara itu dalam keterangan-

nya, Sahari berkata JPPH hanya memperaku faedah enam peratus bagi urusan penjualan sebidang tanah pajakan negeri di Lot 67894 di Pulau Indah untuk nilai tanah berharga RM25 bagi keluasan 30.48 sentimeter (sm) persegi.

Ketika ditanya Majid bagaimana faedah itu meningkat kepada 7.5 peratus berdasarkan kepada Dokumen 'Revised Proposal' dikemukakan KDSB kepada JPPH, Sahari berkata beliau tidak mengetahui perkara itu.

Katanya, beliau juga tidak mengetahui bagaimana keluasan tanah boleh meningkat daripada 332 hektar kepada 400 hektar dan nilai tanah juga meningkat daripada RM21 bagi keluasan 30.48 sentimeter (sm) persegi kepada RM25 berdasarkan kepada dokumen bertarikh 27 Disember 2001 dibawa oleh wakil KDSB kepada JPPH.

Menjawab soalan balas daripada peguam Liong Sik, Wong Kian Kheong, Sahari berkata beliau bukan individu yang bertanggungjawab membuat pengiraan terhadap nilai tanah terbabit berjumlah 1.08 bilion membabitkan kos tanah, infrastruktur dan kos faedah.



Katanya, pada setiap mesyuarat pasca Kabinet Kementerian Kewangan dalam tempoh perkhidmatannya selaku pengarah penilaian JPPH di antara November 2002 dan Disember 2003, beliau tidak pernah menyuarakan atau mengadu berhubung kos urusan pembelian tanah berkenaan yang melebihi apa yang dipersetujui.